KKTKW (U) 18/4/2.01 Jld. 3 (33)

Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

29 September, 1989.

# PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 4 TAHUN 1989
## Maklumat Mengenai Kerja-Kerja Pertanyaan Dan Tunggakan Kerja Luar Oleh Juruukur Tanah Berlesen

1. **Tujuan**

Pekeliling ini adalah bertujuan mengumpul, mengenalpasti, memperkemaskini serta menseragamkan laporan mengenai maklumat-maklumat yang perlu bagi kerja-kerja pertanyaan dan tunggakan kerja luar yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen.

2. **Latarbelakang**

2.1 Ibu Pejabat sekarang sedang berusaha kearah mengwujudkan Pangkalan Data bagi Sistem Maklumat Juruukur Tanah Berlesen yang dikenali sebagai INFOLIS (Information System For Licensed Surveyors). Sehubungan dengan ini, Ibu Pejabat memerlukan maklumat-maklumat secara terperinci dari Pengarah-Pengarah Ukur Negeri mengenai kerja-kerja ukur yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen.

2.2 Ibu Pejabat pada masa ini mengalami beberapa masaalah oleh kerana maklumat-maklumat yang dilaporkan tidak lengkap serta tidak seragam diantara satu negeri ke satu negeri yang lain. Dalam hal yang demikian, Ibu Pejabat mendapati sukar untuk menentukan perkembangan sesuatu kerja yang dijalankan dengan tepat dan seterusnya sukar untuk melaporkan perkembangan tersebut ke Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia untuk diambil tindakan tertentu bagi mempastikan setiap peraturan dan arahan yang ditetapkan dipatuhi.

3. **Maklumat-Maklumat Yang Diperlukan**

3.1 Untuk mengatasi masaalah ini, Pengarah-Pengarah Ukur Negeri hendaklah mengemukakan maklumat mengenai kerja-kerja pertanyaan serta tunggakan

kerja luar yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen ke Ibu Pejabat ini mengikut format di dalam Borang A, A1, B, B1, C, C1, D dan D1 seperti yang dilampirkan. Satu salinan setiap laporan tersebut hendaklah dihantar kepada Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia untuk makluman.

3.2 Borang A, A1 adalah mengenai kerja-kerja pertanyaan bagi ukuran Hakmilik Biasa dan Hakmilik Strata. Kiranya satu-satu kerja tersebut dibuat pertanyaan beberapa kali, tarikh pertanyaan yang pertama hendaklah dicatatkan di ruangan tarikh pertanyaan manakala tarikh pertanyaan yang berikutnya hendaklah dicatatkan di ruangan catatan. Ini bertujuan untuk mengelakkan dari berlakunya kekeliruan dalam menentukan tempoh masa sebenar kerja pertanyaan tersebut berada di tangan Juruukur Tanah Berlesen berkenaan. Demikian juga dengan surat peringatan yang dihantar beserta tarikh perlu juga dicatatkan di ruangan yang sama.

3.3 Borang B, B1 adalah mengenai tunggakan kerja-kerja Ukur Hakmilik Biasa dan Hakmilik Strata dimana Pelan Akui belum diterima dari Juruukur Tanah Berlesen berkaitan. Pengarah-Pengarah Ukur adalah dikehendaki menghantar surat peringatan kepada Juruukur Tanah Berlesen berkenaan berakhir 6 bulan dari tarikh nombor lot dikeluarkan bersesuaian dengan kehendak Peraturan 100(1) dalam Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959. Salinan surat peringatan tersebut perlu dihantar ke Ibu Pejabat dan juga Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia. Bilangan surat peringatan beserta tarikh perlu dicatatkan di dalam borang laporan.

3.4 Borang C, C1 pula adalah mengenai kerja-kerja tunggakan Ukur Hakmilik Biasa dan Hakmilik Strata dimana Pelan Akui belum diterima berakhir 6 bulan setelah pembayaran 60% dijelaskan. Maklumat tentang pembayaran ini hanya boleh didapati dari Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia. Pengarah-Pengarah Ukur hanya perlu menyediakan laporan ini secara berasingan kiranya maklumat tambahan diperlukan samada dari Ibu Pejabat atau Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia.

3.5 Borang D, D1 adalah merupakan ringkasan daripada Borang B, B1 iaitu mengikut tahun dimana nombor lot dikeluarkan perlu juga dikemukakan.

4. Bagi tujuan penyeragaman, bersama-sama ini dilampirkan format contoh surat-surat peringatan untuk tindakan tuan.

| | | |
|---|---|---|
| LAMPIRAN A | - | Surat edaran mengenai kerja-kerja pertanyaan. |
| LAMPIRAN B | - | Surat peringatan mengenai kedudukan kerja-kerja pertanyaan. |
| LAMPIRAN C | - | Surat peringatan mengenai kerja-kerja tunggakan dimana Pelan Akui belum diterima berakhir 6 bulan setelah nombor lot dikeluarkan. |

5. Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Dengan ini Pekeliling KPUP Bil. 4/88 bertarikh 15 Disember 1988, Surat Arahan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dalam KKTKW 19/2/3.08 Jld. 5 (40) bertarikh 22 Oktober 1988 dan Lampiran B2 melalui Surat Arahan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan bertarikh 30 Januari 1989 dalam KKTKW 19/2/1.00 (50) hendaklah dibatalkan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP.)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

**<u>Agihan :</u>**
Semua Pengarah Ukur

**<u>Salinan kepada:</u>**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra (Unit Khas)

Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah,
Semenanjung Malaysia

2735, Tingkat Satu

Jalan Permata 4

Taman Permata, Ulu Kelang
53300 Kuala Lumpur.

**LAMPIRAN A**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN**
**NEGERI……………………….**

Telefon :…………………

******************************************************************************

Ruj. Tuan :…………………
Ruj. Kami : PUBL……………
Ruj. LJT :LJT……………….
Tarikh :………………………

……………………………
……………………………
……………………………
……………………………

Tuan,

**Ukuran Tanah Kerajaan / Cantuman / Pecahan / Serahan / Hakmilik Strata, Lot……………………..kepada…………..Lot Mukim / Seksyen………………………Daerah…………**

Adalah dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada surat tuan bil:…………bertarikh :…………………mengenai perkara yang tersebut di atas dan dengan kuasa yang diberikan mengikut Seksyen 16 (2) Ordinan Juruukur Tanah Berlesen 1958, bersama - sama ini saya sertakan Syit Pertanyaan Bil ……………..Untuk panduan dan tindakan tuan selanjutnya.

2. Bersama -sama ini juga saya kembalikan perkara- perkara yang berikut :

2.1 ……………………………………….
2.2 ……………………………………….
2.3 ……………………………………….
2.4 ……………………………………….
2.5 ……………………………………….

3. Sila pastikan kerja pertanyaan ini disiapkan dan dikembalikan dalam tempoh ………….bulan dari tarikh penerimaan.

4. Sila beri akuan penerimaannya.

**LAMPIRAN B**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN**
**NEGERI..............................**

Telefon :....................

******************************************************************************************************

PERINGATAN :....................................

Ruj. Tuan :..............................
Ruj. Kami : ..............................
Ruj. LJT :................................

....................................
....................................
....................................
....................................

Tuan,

**Ukuran Tanah Kerajaan / Cantuman / Pecahan / Serahan**
**Hakmilik Strata, Lot....................Kepada .....................................lot**
**Mukim / Seksyen ..................................Daerah ......................**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan lanjutan dari surat kami bil ........................bertarikh ....................dimaklumkan bahawa tempuh yang diberikan selama ....................bulan untuk tuan menyiap serta mengembalikan kerja berkenaan telah pun berakhir.

2. Dengan ini sukacitalah saaya mendapat tahu akan kedudukannya pada masa ini.

3. Sila Kembalikan semua maklumat berkenaan kerja tersebut dengan segera untuk tindakan pejabat ini selanjutnya.

Sekian, terima Kasih

'' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

' CINTAILAH BAHASA KITA '

Saya yang menurut perintah,

.........................................................
Pengarah Ukur Negeri

s.k. 1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

2. Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia
2735 , Tingkat Satu
Jalan Permata 4
Taman Permata, Ulu Kelang
53300 Kuala Lumpur.

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
NEGERI.................

Telefon:.............

**********************************************************

Ruj. Tuan:.................
Ruj. Kami:.................
Ruj. LJT :.................
Tarikh :.................

.....................
.....................
.....................
.....................

Tuan,

**Ukuran Tanah Kerajaan/Cantuman/Pecahan/Serahan/ Hakmilik Strata, Lot...........Kepada..........Lot Mukim/Seksyen...............Daerah............**

Adalah dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tesebut di atas dan surat tuan bil:.................. bertarikh:............., adalah dimaklumkan bahawa nombor-nombor lot untuk kerja tersebut telah pun dikeluarkan pada............ melalui surat kami bil:................... bertarikh..........

2. Sukacita saya merujuk kepada Seksyen 100(1), Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959, tuan adalah dikehendakki mengemukakan kerja tersebut dalam tempoh 6 bulan dari tarikh nombor lot dikeluarkan. Oleh yang demikian tempoh tuan menyiapkan kerja tersebut sebagaimana yang dikehendakki oleh Seksyen 100(1) dalam Peraturan tersebut telah berakhir.

3. Sehubungan dengan ini, sukacita dapat kiranya tuan memberi tahu kedudukan pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'CINTAILAH BAHASA KITA'

Saya yang menurut perintah,

......................
Pengarah Ukur Negeri

# BILANGAN LOT YANG TELAH DIKELUARKAN KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN TETAPI PELAN AKUINYA BELUM DITERIMA

NEGERI : ........................

SUKU TAHUN : ........................

| Bil. | Nama Juruukur Tanah Berlesen | 1966 B | 1967 B | 1968 B | 1969 B | 1970 B | 1971 B | 1972 B | 1973 B | 1974 | | 1975 | | 1976 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | A | B | A | B | A | B |
| | | | | | | | | | | | | | | | |
| | Jumlah | | | | | | | | | | | | | | |

Nota : A – Kerja-kerja melalui Lembaga Juruukur Tanah

B – Kerja-kerja tidak melalui Lembaga Juruukur Tanah

Sekian, terima Kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

' CINTAILAH BAHASA KITA '

Saya yang menurut perintah,

.........................................

Pengarah Ukur Negeri

s.k. 1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

2. Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia
2735, Tingkat Satu
Jalan Permata 4
Taman Permata, ulu Kelang
53000 Kuala Lumpur.

s.k. 1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

2. Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia
2735, Tingkat Satu
Jalan Permata 4
Taman Permata, Ulu Kelang
53300 Kuala Lumpur.

BORANG C1

# PERMOHONAN UKUR HAKMILIK STRATA YANG TELAH DILULUSKAN TETAPI PELAN AKUINYA BELUM DITERIMA BERAKHIR 6 BULAN SETELAH 60% PEMBAYARAN

NEGERI: ..............................................

NAMA JUBL: ..............................................   SUKU TAHUN: ..............................................

| Bil. | Fail Rujukan | | | Tarikh Permohonan Strata Diluluskan | No Skim | Bil Petak | No. Lot (Tapak) | Daerah | Mukim/ Seksyen | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | PUBL | JTB | KPTG | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| Jumlah : | | | | | | | | | | |

Nota: PUBL – Pejabat Ukur (Berlesen) Negeri

JTB – Juruukur Tanah Berlesen

KPTG – Ketua Pengarah Tanah dan Galian

BORANG D

# BILANGAN LOT YANG TELAH DIKELUARKAN KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN TETAPI PELAN AKUINYA BELUM DITERIMA

NEGERI : .........................

SUKU TAHUN : .........................

| Bil. | Nama Juruukur Tanah Berlesen | 1977 | | 1978 | | 1979 | | 1980 | | 1981 | | 1982 | | 1983 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | A | B | A | B | A | B | A | B | A | B | A | B | A | B |
| | | | | | | | | | | | | | | | |
| | Jumlah | | | | | | | | | | | | | | |

Nota : A – Kerja-kerja melalui Lembaga Juruukur Tanah

B – Kerja-kerja tidak melalui Lembaga Juruukur Tanah

BORANG D

## BILANGAN LOT YANG TELAH DIKELUARKAN KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN TETAPI PELAN AKUINYA BELUM DITERIMA

NEGERI : ..........................

SUKU TAHUN : ..........................

| Bil. | Nama Juruukur Tanah Berlesen | 1984 | | 1985 | | 1986 | | 1987 | | 1988 | | Jumlah | | Jumlah Besar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | A | B | A | B | A | B | A | B | A | B | A | B | |
| | | | | | | | | | | | | | | |
| Jumlah | | | | | | | | | | | | | | |

Nota : A – Kerja-kerja melalui Lembaga Juruukur Tanah

B – Kerja-kerja tidak melalui Lembaga Juruukur Tanah